

06/06/2002

MRSM: Kuota 10 peratus tambahan tempat

Munaarfah Abu Bakar; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelaksanaan dasar terbuka kerajaan melalui peruntukan kuota 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) tidak akan menjejaskan jumlah kemasukan pelajar Bumiputera ke sekolah itu.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata jumlah pengambilan pelajar Bumiputera ke MRSM akan dikekalkan. Tempat bagi bukan Bumiputera adalah tambahan 10 peratus berdasarkan jumlah pengambilan Bumiputera.

"Jika sasaran pengambilan pelajar Bumiputera ialah 4,000 orang, kita memperuntukkan tambahan 400 tempat baru bagi pelajar bukan Bumiputera.

"Bila kita mewujudkan tempat baru ini, ia bukan satu masalah. Tempat yang ditawarkan itu tidak pernah menjadi milik kita sebelum ini. Kita tidak rugi dari segi jumlah," katanya kepada pemberita selepas menerima memorandum mengenai isu itu daripada Pergerakan Pemuda Umno Selangor, di pejabatnya petang ini.

Pemuda Umno Selangor yang diwakili Pemangku Pengerusi Biro Pendidikannya, Faizal Abdullah menyerahkan memorandum hasil perbincangan pergerakan itu dengan ibu bapa, guru dan pertubuhan bukan kerajaan mengenai kebimbangan masyarakat Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengumumkan keputusan Kabinet memperuntukkan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera bagi mengikuti kursus Matrikulasi dan MRSM.

Perdana Menteri berkata, kerajaan membuka program itu kepada pelajar bukan Bumiputera bertujuan mendedahkan pelajar Bumiputera kepada keadaan hidup sebenar dalam masyarakat pelbagai kaum.

Mohamed Nazri berkata, keputusan Kabinet membuka MRSM kepada pelajar kaum lain bukan sesuatu yang baru memandangkan idea membuka kuota 10 peratus kepada pelajar kaum lain pernah dicadangkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1970-an.

"Dasar terbuka MRSM ini akan dilaksanakan di semua MRSM Semenanjung Malaysia dengan mensyaratkan hanya pelajar bukan kaum lain dari latar belakang miskin tetapi cemerlang dalam akademik diterima masuk," katanya.

Ditanya sama ada Mara perlu menambah kemudahan baru bagi kemasukan pelajar bukan Bumiputera, beliau berkata itu tidak menjadi masalah kerana agensi itu mempunyai pengalaman serta kemahiran yang mencukupi.

Beliau menjelaskan, dua MRSM di Sabah dan Sarawak masih dikekalkan pengambilan pelajar Bumiputera 100 peratus kerana pencapaian kedua-dua sekolah itu belum pada tahap kecemerlangan yang mana syarat kemasukannya masih dilonggarkan ke 4A 1B.

Ketika ini ada 36 MRSM di seluruh negara dengan jumlah pelajar di antara 25,200 hingga 27,000 orang.

Mengenai tindakan 26 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diwakili Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) semalam meminta kerajaan menangguhkan pelaksanaan kuota 10 peratus berkenaan, Mohamed Nazri berkata kerajaan sudah memutuskan perkara itu dan ia mula dilaksanakan tahun depan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kerajaan hanya sedia menimbang semula keputusan Kabinet itu jika ada bukti ia tidak memanfaatkan masa depan negara.

Katanya, langkah itu diambil selepas kerajaan mengambil kira kepentingan masa depan negara yang amat bergantung kepada kejituan perpaduan dan

persefahaman antara kaum," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan dan Kementerian Pendidikan mengalu-alukan mana-mana pihak yang mahu membuat kajian mengenai perkara itu termasuk badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi (IPT) dan GPMS sendiri.

"Kita tidak halang mereka, jika mereka mahu membuat kajian dan mengemukakannya kepada Perdana Menteri. Jika sesuatu cadangan itu boleh menyelamatkan negara, kita mungkin boleh memberi pertimbangan," katanya.

(END)